

CADANGAN PENYEWAAN PREMIS MAJLIS NO. 22, KAMPUNG KOLAM, PULAU PINANG

1. PENGENALAN

Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) mempunyai premis (tingkat bawah rumahpangsa 4 tingkat) untuk disewakan di alamat No. 22, Kampung Kolam, Pulau Pinang dengan ini mempelawa pembida-pembida yang berminat untuk membida penyewaan premis-premis tersebut bagi tujuan perniagaan.

2 SYARAT-SYARAT UTAMA PENYEWAAN

- i. Tempoh sewaan : 3 tahun sahaja;
- ii. Keluasan bangunan yang disewa : 897 k.p  
Keluasan tapak : 897 k.p
- iii. Penyewa perlu membayar sewa 1 bulan secara pendahuluan dan deposit bersamaan sewaan 3 bulan ketika menandatangani Surat Perjanjian Penyewaan dengan MPPP;  
Aktiviti : Perniagaan sahaja;
- iv. Penyewaan adalah berdasarkan kepada 'as is where is basis' dan segala kerja pembaikan akan ditanggung oleh penyewa sendiri;
- v. Harga Rizab Sewaan ke atas tawaran / bidaan ini ialah RM430.00 sebulan.

3 SYARAT-SYARAT BIDAAN

- i. Bidaan adalah terbuka kepada individu dan syarikat perniagaan (pemohon perlu sertakan dokumen syarikat/pendaftaran perniagaan)
- ii. Tarikh mula bidaan : 4 Januari 2010 (Isnin)
- iii. Tarikh tutup bidaan : 18 Januari 2010 (Isnin) pada jam 12 tengahari
- iv. Bidaan yang dikemukakan hendaklah disertakan deposit bidaan dalam bentuk deraf bank dengan amaun yang bersamaan dengan 1 bulan sewaan kos bidaan.

- v. Sekiranya pembida yang berjaya nanti gagal untuk menandatangani Surat Perjanjian Penyewaan pada tarikh yang ditetapkan oleh MPPP, maka deposit bidaan yang telah dikemukakan akan dilesapkan dan penyewaan itu akan diberikan kepada pihak lain mengikut budi bicara MPPP.
- vi. Pembida yang berminat boleh memperoleh Borang Permohonan di Tingkat 12, Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta, Majlis Perbandaran Pulau Pinang mulai 4 Januari 2009 bermula jam 8.00 pagi sehingga pukul 5.00 petang.
- vii. Borang yang telah diisi dengan harga tawaran sewaan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul kosong yang ditulis pada penjuru atas kiri sampul tersebut dengan 'Cadangan Penyewaan Premis Majlis No. 22, Kampung Kolam, Pulau Pinang'. Sampul ini kemudiannya, dimasukkan ke dalam kotak berkunci yang disediakan khas di Kaunter Tingkat 12, Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta, MPPP, Pulau Pinang.
- viii. MPPP akan membuat pertimbangan ke atas bidaan yang dibuat dan Majlis akan menghubungi pembida yang berjaya sebaik sahaja keputusan dibuat.
- ix. Keputusan pihak MPPP di dalam pemilihan pembida yang berjaya adalah muktamad.

## SYARAT-SYARAT PENYEWAAN PREMIS MAJLIS NO. 22, KAMPUNG KOLAM, PULAU PINANG

### Syarat-syarat Penyewaan

1. Bangunan berkenaan akan digunakan untuk tujuan perniagaan sahaja.
2. Tempoh penyewaan adalah untuk 3 tahun.
3. Tapak akan disewakan mengikut sediada ('as is where is basis').
4. Penyewa perlu membayar deposit bersamaan 3 bulan ketika menandatangani Surat Perjanjian Penyewaan dengan Majlis.
5. Penyewa tidak dibenarkan membuat sebarang pengubahsuaian/tambahan struktur di atas bangunan tersebut kecuali mendapat kebenaran pihak MPPP terlebih dahulu.
6. Segala penyambungan bekalan elektrik, air dan lain-lain adalah ditanggung oleh penyewa tanpa sebarang tuntutan kepada pihak MPPP.
7. Penyewa dikehendaki mengambil polisi perlindungan yang melindungi MPPP dari sebarang kemalangan/kecelakaan berlaku.
8. Apabila tamat tempoh sewaan, penyewa dikehendaki menyerahkan bangunan dalam keadaan asal dengan persetujuan MPPP.
9. MPPP berhak untuk menamatkan sewaan atau menarik balik kelulusan penyewaan bangunan sekiranya penyewa gagal mematuhi syarat-syarat penyewaan atau MPPP memerlukan tapak tersebut, tanpa sebarang bayaran gantirugi.

BORANG BIDAAN

CADANGAN PENYEWAAN PREMIS MAJLIS NO. 22, KAMPUNG KOLAM, PULAU PINANG

Saya \_\_\_\_\_

(Nama dalam huruf besar)

bagi pihak Individu/Syarikat \_\_\_\_\_

(Sekiranya syarikat)

dengan ini menawarkan untuk menyewa bangunan Majlis No. 22, Kampung Kolam, Pulau Pinang daripada Majlis Perbandaran Pulau Pinang tertakluk kepada semua syarat bidaan atas kadar sewaan sebulan :-

Ringgit Malaysia \_\_\_\_\_ sahaja  
(RM\_\_\_\_\_).

Dilampirkan bersama-sama ini deraf bank bertarikh \_\_\_\_\_ dan bernombor \_\_\_\_\_ bernilai RM\_\_\_\_\_ sebagai bayaran bidaan (bersamaan 1 bulan kadar sewaan) kepada Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan dokumen syarikat/pendaftaran perniagaan.

Sekiranya tawaran saya diterima, saya bersetuju untuk menandatangani Surat Perjanjian Penyewaan dan menjelaskan bayaran sewaan dengan tertakluk kepada syarat-syarat yang terkandung dalam syarat Bidaan dan Surat Perjanjian Penyewaan.

Saya memperakui bahawa semua maklumat yang berkaitan dengan tawaran bidaan ini adalah benar dan sah. Saya memberi keizinan kepada Majlis Perbandaran Pulau Pinang untuk meneliti dan mengkaji dengan lebih lanjut semua maklumat tersebut dengan pihak saya atau pihak-pihak lain yang berkaitan. Saya juga bersetuju untuk membekalkan maklumat-maklumat tambahan yang berkaitan dengan bidaan ini sekiranya diminta oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang.

Tandatangan \_\_\_\_\_

Nama \_\_\_\_\_

(Huruf Besar)

No. K.P \_\_\_\_\_

Jawatan dalam Syarikat \_\_\_\_\_

Nama Syarikat \_\_\_\_\_

No. Pendaftaran Syarikat \_\_\_\_\_

Alamat Berdaftar Syarikat \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

Alamat Surat Menyurat \_\_\_\_\_

(Sekiranya berlainan dengan \_\_\_\_\_

Alamat di atas)

\_\_\_\_\_

No. Telefon : \_\_\_\_\_ No. Fax \_\_\_\_\_

Tarikh : \_\_\_\_\_

Disah Terima:

b.p Pengarah Penilaian & Pengurusan Harta  
Majlis Perbandaran Pulau Pinang